KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

HM
22.12.2021_7

Menara kabel TNB sentiasa dipantau

Jelebu: Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa membuat pemantauan rapi ke atas semua menara kabel elektriknya bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

Jurucakap Komunikasi Korporat Kumpulan TNB pada kenyataan berkata, TNB juga memberi jaminan tiada risiko terhadap pembekalan elektrik buat masa ini, khasnya di daerah ini.

Kenyataan itu menyusul selepas tular satu mesej di media sosial mengenai menara kabel elektrik di Bukit Tangga yang didakwa berada dalam keadaan bahaya dan boleh tumbang pada bila-bila masa disebabkan hujan Jumaat lalu.

Menurut kenyataan, TNB sedia maklum berkaitan kejanggalan yang berlaku di sekitar kawasan itu.

"Kerja senggaraan di tiang pilon transmisi bervoltan tinggi 500 kilovolt (kV) di Lenggeng Menara No 175 sebenarnya sudah dijalankan oleh kontraktor lantikan TNB," katanya.